

Nikmat Beribadah

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَ أَوْصِيكُمْ وَآيَايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Ibadah adalah jalan mendekatkan diri kepada Allah, sama ada ibadah khusus yang mempunyai peraturan tertentu yang telah ditetapkan syarak mahupun ibadah umum yang lebih luas. Sesuatu kebaikan itu jika dilakukan kerana Allah Subhanahu wa-Taala dan tidak bertentangan dengan hukum syarak, maka ia termasuk dalam ibadah. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah Al-Dzaariyaat ayat 56:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿٥٦﴾ وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Yang bermaksud, “*dan aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka beribadah kepada-Ku*”.

Ibadah, sama ada yang wajib mahupun sunat, seharusnya dapat membawa seseorang merasa lebih nikmat dan indah dalam hidup ini. Setiap kali mendirikan solat, hatinya merasa sungguh tenteram. Apabila keluar daripada solat, hatinya selalu rindu untuk menghadap Tuhannya lagi. Tatkala ayat-ayat al-Quran dibacakan, hatinya luluh sehingga menitikkan air matanya. Bahkan apabila bibirnya sendiri membaca al-Quran, hatinya semakin teguh menguatkan keimanan. Demikian juga keadaan hamba yang begitu asyik merintih dan memohon rahmat Tuhannya pada waktu tengah malam. Semuanya terasa begitu mententeram dan mendamaikan jiwa. Namun, adakah kita sentiasa merasakan segala keindahannya seperti itu ketika kita sendiri melakukan ibadah-ibadah tersebut?

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Kenapa kemanisan nikmat beribadah boleh lenyap daripada jiwa kita? Persoalan khusyuk dalam solat adalah suatu yang sangat utama dalam kehidupan. Apabila kita dapat mengecap nikmat khusyuk dalam ibadah solat tersebut, pastinya kita bakal memperoleh ketenangan yang luar biasa di luar solat. Mengapa hilangnya kemanisan ibadah tersebut? Kemanisan ibadah akan hilang jika maksiat tidak ditinggalkan kerana maksiat akan meninggalkan bekas dalam hati. Sekalipun kita telah

berhenti melakukannya, tetap juga kesannya terasa sangat dahsyat. Kesan-kesan dan bekas-bekas maksiat inilah yang menjadi hijab kepada rasa nikmatnya beribadah.

Kita perlu berusaha untuk mengembalikan rasa nikmat beribadah itu secepat mungkin dengan bertaubat daripada segala maksiat yang telah kita lakukan. Berdoalah agar Allah membantu kita untuk terus taat kepada-Nya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengajarkan doa selepas solat dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan al-Nasa'ie yang bermaksud: *daripada Muaz bin Jabal RadhiAllahu anhu, beliau berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengambil (memegang) tanganku pada suatu hari lalu berkata: "Wahai Muaz! Demi Allah, sesungguhnya aku mengasihi engkau." Muaz berkata: "Aku sanggup menebus diri engkau dengan ayah dan ibuku wahai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam; dan demi Allah, aku juga mengasihi engkau." Maka Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Aku berwasiat kepada kamu janganlah kamu meninggalkan pada setiap kali selesai solat untuk berdoa:*

اللَّهُمَّ أَعِنِّي عَلَى ذِكْرِكَ وَشُكْرِكَ وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ

"Ya Allah! Bantulah aku untuk mengingati-Mu, bersyukur kepada-Mu dan beribadat dengan baik kepada-Mu".

Doa yang diajarkan Baginda ringkas namun membawa maksud mendalam daripada sudut pengharapan seorang hamba kepada Tuhannya agar Allah *Subhanahu wa-Taala* tidak membiarkan kita terkapai-kapai dalam berzikir, bersyukur dan melakukan ibadah kepada-Nya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Untuk mendapat rasa nikmat beribadah kita hendaklah melakukan ibadah dengan penuh keikhlasan. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Baiyinah ayat 5;

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا

الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقَيِّمَةِ ﴿٥﴾

Yang bermaksud: *Padahal mereka tidak disuruh kecuali supaya menyembah Allah dengan memurnikan keikhlasan kepada-Nya dalam (menjalankan) agama yang lurus, dan supaya mereka mendirikan solat dan menunaikan zakat; dan yang demikian itulah agama yang lurus.*

Orang yang ikhlas akan merasa ringan melakukan berbagai ketaatan kerana hati yang ikhlas sentiasa mengharap keridaan daripada Allah dan mudah baginya meninggalkan maksiat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Antara perkara yang menyebabkan tiadanya rasa nikmat beribadah adalah kerana mengamalkannya tanpa ilmu. Melaksanakan ibadah tanpa ilmu menyebabkan seseorang itu tidak memahami konsep sebenar ibadah dan berkemungkinan ibadah yang dilakukan tidak sah. Imam Ghazali berpendapat bahawa ilmu tanpa amal adalah gila dan amalan tanpa ilmu menjadi sia- sia.

Oleh itu, kita perlu menuntut ilmu dan beramal dengannya, dan jauhilah sikap hanya berbangga-bangga dengan amalan sedangkan ilmunya tiada. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Nahl ayat 97:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً

وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٧﴾

Yang bermaksud: *Barangsiapa yang mengerjakan amal soleh, sama ada lelaki mahupun perempuan dalam keadaan beriman, Maka sesungguhnya akan Kami berikan kepadanya kehidupan yang baik dan sesungguhnya akan Kami beri balasan kepada mereka dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan.*

بَارِكُ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ وَنَفَعَنِيْ وَاِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْاٰيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ اِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. اَقُوْلُ
قَوْلِيْ هٰذَا وَاَسْتَغْفِرُوْا اللهُ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوْهُ
اِنَّهُ هُوَ الْعَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.